

Kepada : Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

Daripada : Bendahari

Ruj. Kami : UPSI/BEN/PH/519.6 JLD 22 (53)

Tarikh : 28 MAC 2018
10 REJAB 1439H

Pindaan Kadar Jamuan Bagi Mesyuarat / Upacara Rasmi Universiti

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Jawatankuasa Sebutharga Bil 7/2017 pada 16 November 2017 telah meluluskan pindaan kadar siling jamuan mesyuarat / upacara universiti pada 16 November 2017 mulai tahun 2018 seperti berikut:-

Jenis Jamuan	Kadar Maksimum Seorang
Minum Pagi	RM4.00
Minum Petang	RM4.00
Makan Tengahari	RM8.00
Makan Malam	RM8.00
Minum Malam	RM4.00

3. Bagi perolehan pembekalan jamuan melebihi RM20,000.00, PTj adalah digalakkan untuk membuat perundingan dengan mana-mana pembekal supaya mendapat harga yang terbaik **tanpa** melangkaui harga siling di atas.

4. Sehubungan itu tuan boleh memuat turun kadar baharu dan borang pengesahan tuntutan penyediaan jamuan mesyuarat/upacara rasmi universiti melalui laman Web Jabatan Bendahari <http://bendahari.upsi.edu.my>. Saya memohon kerjasama tuan agar dapat mematuhi segala peraturan kewangan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

Sekian dan segala kerjasama tuan di dalam mematuhi peraturan ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang menjalankan tugas,



(KHADIJAH BINTI HAMDAN)

s.k. Naib Canselor